

SMar 21/2011 MS 14.

AHMAD NORMAN ABU TALIB

MASALAH penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang bukanlah perkara baru yang berlaku di negara ini. Malah masalah ini sudah lama terjadi. Bahkan jika dilihat di sekeliling kita ada saja anggota keluarga, rakan atau orang yang disayangi terabit dalam gejala ini.


Penagihan dadah boleh berlaku kepada sesiapa saja. Tidak kira sama ada golongan muda, tua, kaya, miskin atau sesuatu kaum. Semua bergantung kepada diri sendiri.

Penagih dadah bermula dengan sifat ingin mencuba. Disebabkan terlalu inginkan dunia keseronokan sehinggakan sanggup mencuba apa saja. Apabila sudah terlajak, tidak mudah untuk berundur. Sebaliknya akan hanyut dalam dunia yang tidak berpijak di bumi realiti.

Gejala ini bermula daripada sifat ingin tahu dan suka-suka. Akhirnya bertukar menjadi 'keperluan'. Sekali tidak dapat 'barang' maka semuanya bagaikan tidak kena. Hidup bagaikan bergantung kepada dadah. Hinggakan dadah itu ibarat nyawa kepada penagih.

Ramai yang daripada hendak mencuba dan akhirnya terus terjebak. Bukanlah suatu yang mudah untuk berpatah balik ke landasan asal. Tidak semudah mengundurkan kereta. Jadi mengapa perlu mencuba hanya untuk keseronokan yang tidak menjamin kebahagiaan malah menghancurkan masa depan.

Walhal kita sendiri sedar betapa bahayanya kesan penagihan dadah. Ia memberi kesan yang amat buruk. Tetapi kita masih mahu mencuba walaupun te-



Jenis-jenis dadah

| KATEGORI | JENIS |
|-------------|--|
| Opiat | Candu, Heroin dan Kokain |
| Kanabis | Ganja, Marijuana, Hashish dan Hashish Oil |
| Depresen | Methaqualone, Traquiliser dan Eramin 5 |
| Psikotropik | Methamphetamine (syabu), Amphetamine dan MDMA |
| Stimulan | Phtentermine dan Ephedra |
| Halusinogen | Lysergic Acid, Phenylclidine, Ketamin dan Dimethyltryptamine |

Selagi wujudnya permintaan terhadap dadah, maka gejala ini akan berterusan sampai bila-bila. Bukannya mudah untuk memerangi kegiatan ini. Sebagai contoh, Khamis lalu Ketua Polis Selangor, Datuk Tun Hisan Tun Hamzah mengumumkan seramai 21,430 orang ditahan kerana pelbagai kesalahan dadah sehingga November lalu. Ia membabitkan nilai keseluruhan RM72.2 juta. Ia menunjukkan peningkatan jumlah tangkapan berbanding tahun sebelumnya seramai 16,883 orang.

“Ada sesuatu yang tidak kena dengan masyarakat kita kerana polis melancarkan gerakan besar-besaran memerangi dadah dan sepatutnya menunjukkan

lah diingatkan berkali-kali di mana-mana termasuk media.

Selalu kita mendengar pesanan orang-orang tua, jangan sesekali terjebak dengan dadah kerana ia menghancurkan hidup. Betapa teruknya impak dadah sehingga boleh jahanamkan masa depan.

Kerajaan juga mengadakan pelbagai kempen antara slogan yang biasa kita dengar adalah 'Dadah Musuh Negara' dan 'Belia Benci Dadah'

Penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang membabitkan perlakuan yang berulang-ulang atau penggunaan dadah yang berlebihan. Pada kebiasaannya ia akan mendatangkan perasaan gembira melampau atau ketagih bertujuan lari daripada kenyataan. Penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang boleh mengganggu kehidupan seharian.

Minggu ini Modus Operandi akan mendedahkan berhubung penyalahgunaan dadah.

Penagihan dadah bermula apabila seseorang itu mula bergantung kepada dadah. Individu itu memerlukan dos yang lebih tinggi dan merasa ketagih apabila menghentikan tabiatnya itu. Ia juga mengakibatkan seseorang itu hilang kawalan diri dan tidak mampu berfikir secara waras. Maka akan mula mencari pengedar untuk membeli dadah atau pun menjadi pengedar bagi menampung perbelanjaan untuk bekalan sendiri.

Apa itu dadah?

Dadah ialah apa-apa juga bahan kimia, sama ada asli atau tiruan, apabila dimasukkan ke dalam tubuh badan secara disuntik, dihidu, dihisap atau dimakan boleh mengubah fungsi tubuh badan seseorang atau organisma dari segi fizikal atau mental.

Mengapa

Mengikut kajian pakar perubatan dan juga pakar yang membuat penyelidikan terhadap penagih dadah adalah seperti berikut:-

- Ingin mengetahui dan seterusnya ingin mencuba-cuba oleh dirinya sendiri.
- Tidak mengetahui dengan sebenarnya bahaya setiap jenis dadah itu.
- Dipengaruhi kawan dan oleh sebab hendak menyesuaikan dirinya dengan sesuatu kumpulan yang sebaya dengannya.
- Mencari ketenteraman jiwa kerana terbahit dengan sesuatu masalah kehidupan.
- Menghilangkan sesuatu kesusahan yang dideritainya.
- Untuk hilangkan kerunsingan yang di-

datangkan oleh desakan ibu bapa.

- Tidak menggunakan masa lapangnya dengan perkara yang berfaedah.
- Mengikut tekanan darah mudanya dengan sekehendak hatinya.
- Rumah tangga porak-peranda
- Kerana tidak ada kemesraan yang baik di antara ibu bapa dan anak.
- Kerana ingin berlagak dengan cara hidup yang lebih tinggi daripada yang termampu olehnya.
- Kerana adanya dadah dan kebijaksanaan pengedar dadah untuk menjalankan pengaruhnya.
- Kurang pengetahuan agama dan penghayatan nilai agama.

Ramai yang terbabit pada mulanya sekadar ingin mencuba kerana dek terpengaruh dengan ajakan rakan yang umpama syaitan. Secara halus memasukkan jarum hingga terpedaya.

Ada yang menagih dadah kerana pelbagai perkara yang dijadikan alasan. Kononnya disebabkan tertekan dengan sesuatu perkara.

Mereka menjadikan dadah sebagai alasan untuk melepaskan tekanan.

Kononnya dengan cara itu mereka boleh melupakan seketika masalah yang dihadapi.

Ternyata tindakan itu silap kerana ketagihan dadah memakan diri sendiri.

penurutan tetapi hal yang sebaliknya berlaku."

- Datuk Tun Hisan Tun Hamzah


Boleh dikatakan dadah jenis sintetik menjadi kegilaan kini berbanding dadah jenis ganja dan heroin. Dadah jenis sintetik terdiri daripada syabu, pil kuda, ketamin, eramin 5 dan ecstasy.

Kebanjiran dadah jenis sintetik ini sangat membimbangkan. Trend dalam kalangan masyarakat kini yang gemar menggunakan dadah sintetik itu, sangat membimbangkan kerana kesannya sangat dahsyat, termasuk gangguan emosi dan merosakkan sistem saraf pusat seperti otak serta saraf tunjang.

Malah golongan ini sanggup melakukan apa saja bagi mendapatkan bekalan dadah. Sebab itu ramai peragut terdiri daripada penagih dadah. Ini kerana mereka memerlukan duit untuk mendapatkan bekalan dadah.

Mereka memilih jalan mudah dengan cara meragut yang kadang-kadang boleh menyebabkan mangsa kehilangan nyawa. Golongan ini tiada pertimbangan. Apa yang penting kehendak mereka untuk melepaskan 'gian' tertunai.

Kebanyakan penjenayah yang ditahan juga rata-rata positif ujian air kencing. Mereka didapati menggunakan dadah terutamanya syabu bagi meningkatkan



● Penagih syabu sedang membakar dadah tersebut sebelum disedut asapnya. (gambar hiasan)



● Sejumlah eramin 5 yang dirampas polis. (gambar hiasan)

Stuar 21/2011 MS15.

keyakinan diri sebelum melakukan jenayah. Seolah-olah menjadi lebih berani.

Bagaimana mengetahui seseorang itu terbabit dalam penyalahgunaan dadah?

- Resah, gelisah
- Prestasi kerja atau akademik yang merosot
- Mencuri wang atau apa saja sama ada di rumah, sekolah atau tempat kerja



● Pelbagai jenis ecstasy. (gambar hiasan)

berhari-hari.

Pengakuan

Pelajar kolej, Nana, 22 (bukan nama sebenar).

Pada mulanya saya terpengaruh dengan ajakan rakan. Saya juga merasakan benda ini 'cool' maka saya mencuba. Saya bermula sekadar suka-suka menelan pil ecstasy. Dari situ saya dipengaruhi mencuba ketamin, eramin 5. Akhirnya saya terjebak dengan syabu kerana sifat ingin tahu. Saya tahu ini tidak elok tetapi susah untuk berhenti buat masa ini kerana ia menyeronokkan. Ada masanya saya ingin berhenti apabila wang ringgit banyak habis.

- Perubahan sikap secara mendadak seperti tabiat makan, tidur dan aktiviti harian
- Perubahan emosi secara tiba-tiba
- Bercakap merepek
- Mengabaikan penampilan diri
- Menghindari kawan biasa yang tidak mengambil dadah
- Berkelakuan mencurigakan seperti menghabiskan banyak masa di bilik air atau bilik tidur dan rasa curiga yang keterlaluan kepada yang lain
- Kelihatan letih, penat dan mamai

Kesan akibat penagihan amatlah dahsyat sehingga bukan saja memusnahkan hidup malah boleh menyebabkan kematian sekiranya terlebih pengambilan dos. Sekiranya individu itu dikategorikan sebagai tegar maka dia memerlukan dos yang lebih tinggi untuk mencapai nikmat khayal sama seperti kali pertama dia mencuba dadah terbabit.

Mungkin juga dia terpaksa menggunakan pelbagai jenis dadah dalam satu masa. Selalunya penggemar dadah jenis sintetik akan menggunakan cara berkenaan. Dadah ini kebiasaannya digunakan di 'party', pusat hiburan dan sebagainya.

Malah bagi penagih syabu kononnya ia digunakan bagi mereka untuk lebih fokus dalam melakukan pekerjaan. Ini kerana dadah itu membuatkan mereka dapat bertahan lama sehingga tidak tidur

Wanita pula kerap gunakan syabu untuk kuruskan badan. Disebabkan kesan pengambilan itu selera makan akan hilang. Mereka memilih jalan singkat itu berbanding cara lebih sihat seperti bersemenam dan diet.

Kadang-kadang pusat hiburan yang diserbu dapat dilihat pil ecstasy serta eramin 5 bertaburan di atas lantai.

Apa pun bak kata pepatah 'mencegah adalah lebih baik daripada mengubati'. Sebelum pergi lebih jauh adalah lebih baik sekiranya menghindarinya.

Pekerja sebuah syarikat swasta, Ejam, 27 (bukan nama sebenar)

Saya terjebak dengan syabu lima tahun lalu daripada rakan ketika menuntut di kolej. Memang benar ia mampu buat saya bertenaga dan berjaga malam ulang kaji pelajaran terutamanya menjelang peperiksaan. Malang sekali, hingga kini sukar untuk saya berhenti. Ia ibarat satu keperluan. Bahkan saya turut menjual barang itu secara kecil-kecilan sekali gus sedikit sebanyak dapat tampung perbelanjaan saya mendapatkan syabu.

Kesalahan dadah sepanjang tahun lalu sehingga November lalu membabitkan:

Rampasan pelbagai jenis dadah dengan nilai keseluruhan RM72.2 juta

21,430 orang ditahan kerana pelbagai kesalahan dadah

Peningkatan seramai 16,883 orang berbanding tahun sebelumnya adalah

| JENIS | CARA |
|----------|---|
| Ketamin | Penagih akan menyedut serbuk itu menggunakan hidung atau memasukkan ke dalam minuman. |
| Syabu | Dihisap menggunakan 'dapur' yang diperbuat daripada kaca. Kemudian membakarnya menggunakan api kecil dan menyedut asap yang terhasil. |
| Ecstasy | Dadah ini paling popular di pesta kerana mudah dibawa. Penagih hanya perlu menelan dan kesan akan dirasakan 20 hingga 30 minit selepas itu. |
| Eramin 5 | Pil ini akan dihisap sehingga habis. |

Tip mencegah

- Jangan merokok kerana ia merupakan punca utama ke arah penagihan dadah.
- Kuatkan hati untuk tidak sesekali terjebak.
- Jauhi diri daripada berkawan dengan golongan penagih dan pengedar.
- Jangan sesekali mencuba untuk mengambil sebarang dadah. Ia akan memusnahkan diri kelak.
- Sentiasa beringat bahawa dadah menghancurkan masa depan.
- Jangan terpedaya dengan kemewahan dijanjikan oleh sindiket pengedaran dadah kerana ia berbahaya.
- Jauhi gengsterisme dan jenayah kerana ia sering kali berkait rapat dengan gejala dadah.

